



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 179

**AKTA LEMBAGA PENDAFTARAN DAN PELESENAN
MINYAK KELAPA SAWIT (PEMERBADANAN) 1976**

Tarikh Persetujuan Diraja ... 28hb Oktober, 1976

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* 28hb Oktober, 1976

Akta 179

AKTA LEMBAGA PENDAFTARAN DAN PELESENAN
MINYAK KELAPA SAWIT (PEMERBADANAN) 1976

SUSUNAN SEKSYEN-SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN, KEWAJIPAN-KEWAJIPAN DAN
KUASA-KUASA LEMBAGA

3. Penubuhan Lembaga.
4. Keanggotaan Lembaga.
5. Ahli-ahli silihganti.
6. Penjalanan sementara tugas-tugas pengerusi.
7. Perlantikan pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Lembaga.
8. Kewajipan-kewajipan ketua eksekutif.
9. Penjawat awam.
10. Pejabat.
11. Tugas-tugas Lembaga.
12. Kuasa-kuasa Lembaga.
13. Kuasa untuk menggantung lesen.
14. Rayuan.

BAHAGIAN III

KEWANGAN, LAPURAN DAN PENYELIAAN
KEMENTERIAN

15. Kumpulanwang dan Kumpulanwang Penyelidikan.
16. Ses atas minyak kelapa sawit dan ses penyelidikan.
17. Kuasa untuk meminjam.

Seksyen

18. Kuasa untuk melabur.
19. Anggaran tahunan.
20. Akaun dan odit.
21. Laporan tahunan.

BAHAGIAN IV
PENGUATKUASAAN

22. Kuasa menangkap.
23. Menggeledah dengan waran.
24. Menggeledah tanpa waran.
25. Kuasa untuk menahan dan menggeledah kenderaan.
26. Notis penyitaan.
27. Tindakan selepas minyak kelapa sawit disita.
28. Mahkamah hendaklah memerintahkan pelepasan atau lucuthak.
29. Masa penghalang bagi pendakwaan.
30. Tuntutan untuk mendapatkan balik minyak kelapa sawit yang disita atau hasil penjualannya.
31. Kepunyaan tentang minyak kelapa sawit atau hasil penjualannya yang dilucuthak.
32. Perlantikan dan perakuan-perakuan dan laporan-laporan pencerakin.
33. Pemeriksaan atau pengujian minyak kelapa sawit yang disita mengikut kadar.
34. Kuasa menyiasat.
35. Penjalanan pendakwaan.

BAHAGIAN V
AM

36. Memberi maklumat kepada Lembaga.
37. Peruntukan-peruntukan am berhubung dengan penalti.
38. Kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan.
39. Kerahsiaan.
40. Kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan-arahan.
41. Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan.
42. Pengesahan perbuatan-perbuatan yang dilakukan pada menjangkakan Akta.

JADUAL

Repealed by 11/52

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 179

AKTA LEMBAGA PENDAFTARAN DAN PELESENAN MINYAK KELAPA SAWIT (PEMERBADANAN) 1976

Suatu Akta bagi menubuhkan Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit untuk memajukan lagi dan menjalankan dengan sempurna perusahaan minyak kelapa sawit dan bagi mengadakan peruntukan berkenaan dengan Lembaga dan perusahaan itu.

[16hb. Mei, 1977] P. UCB) 313/77

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam ** Warta* dan tarikh-tarikh yang berlainan boleh ditetapkan bagi bahagian-bahagian Malaysia yang berlainan.

* RU(B) 213/77

2. Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

“buah kelapa sawit hidup” ertinya buah kelapa sawit yang belum diproses, samada bertandan atau berderai; “kelapa sawit” ertinya palma jenis *Elaeis* dan termasuklah jenis *Elaeis guineensis*, yang biasanya disebut “kelapa sawit Afrika”, dan *Elaeis Malanococca* atau *Corozo oleifera*, yang biasanya disebut “kelapa sawit Amerika Selatan” dan juga termasuklah kacukan kedua-dua jenis itu;

d/AA 540

“Kumpulanwang” ertinya Kumpulanwang Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit yang ditubuhkan di bawah seksyen 15;

Act A 540

“kenderaan”
“ketua eksekutif”

AA 735
Act A 540

“Kumpulanwang Penyelidikan” ertinya Kumpulanwang Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit yang ditubuhkan di bawah seksyen 15;

d/AA735

“Lembaga” ertinya Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Merinyu Minyak Kelapa Sawit” ertinya seseorang Merinyu Minyak Kelapa Sawit yang dilantik di bawah seksyen 7;

“minyak kelapa sawit” ertinya minyak, samada dalam bentuk mentah atau separuh diproses, yang dikeluarkan dari lapis luar buah kelapa sawit; dan “minyak kelapa sawit separuh diproses” ertinya apa-apa bentuk minyak kelapa sawit yang telah dialerupa atau diawet melalui suatu proses fizik atau kimia dan yang boleh diproses selanjutnya, dijadikan atau dibuat menjadi sesuatu keluaran siap;

Sub. AA540

D/AA540

“pegawai kastam” mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam Akta Kastam 1967;

62/67.

“pencerakin” ertinya seseorang pencerakin yang dilantik di bawah seksyen 32;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga dan termasuklah seseorang yang menjalankan tugas pengerusi dan yang disifatkan sebagai Pengerusi di bawah seksyen 6.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN, KEWAJIPAN-KEWAJIPAN DAN KUASA-KUASA LEMBAGA

penubuhan lembaga.

3. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu pertubuhan perbadanan bernama “Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit” yang kekal turun temurun dan mempunyai meteri dan kuasa untuk memperolehi dan memegang harta alih dan harta takalih dan untuk melupuskannya atau pun membuat apa-apa urusan mengenainya, dan yang boleh mendakwa dan didakwa atas nama perbadanannya.

(2) Jadual kepada Akta ini hendaklah dipakai bagi Lembaga.

Kecanggotaan Lembaga.

4. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada ahli-ahli berikut yang dilantik oleh Menteri—

(a) seorang Pengerusi;

LEMBAGA PENDAFTARAN DAN PELESENAN MINYAK 7
 KELAPA SAWIT (PEMERBADANAN)

- (b) seorang wakil daripada Kementerian yang bertanggungjawab atas perusahaan minyak kelapa sawit;
- (c) seorang wakil daripada Kementerian yang bertanggungjawab atas kemajuan perusahaan;
- (d) seorang wakil daripada Perbendaharaan;
- (e) seorang wakil daripada Institusi Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia atau daripada mana-mana badan lain yang mengambil bahagian dalam penyelidikan minyak kelapa sawit;
- (f) seorang wakil daripada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan; dan
- (g) empat orang wakil daripada perusahaan minyak kelapa sawit.

(2) Menteri boleh, sebagai tambahan kepada orang-orang yang disebut dalam seksyen-kecil (1), melantik tidak lebih dari empat orang lain untuk menjadi ahli Lembaga bagi mewakili kepentingan Malaysia Timur dan lain-lain kepentingan mengenai perusahaan minyak kelapa sawit.

5. (1) Menteri boleh, berkenaan dengan tiap-tiap seorang ahli Lembaga, lain daripada Pengerusi, melantik, atas penamaan ahli itu, satu orang sebagai ahli silihganti untuk menghadiri, sebagai ganti ahli itu, mesyuarat-mesyuarat Lembaga yang tidak dapat dihadiri oleh ahli itu kerana sesuatu sebab. Ahli-ahli silihganti.

(2) Apabila menghadiri mesyuarat-mesyuarat Lembaga, seseorang ahli silihganti hendaklah bagi semua maksud disifatkan sebagai seorang ahli Lembaga.

(3) Seseorang ahli silihganti hendaklah, melainkan jika ia terlebih dahulu meletakkan keahliannya atau perlantikannya terlebih dahulu dibatalkan, terhenti daripada menjadi seorang ahli silihganti apabila ahli yang berkenaan dengannya ia menjadi ahli silihganti itu terhenti daripada menjadi seorang ahli Lembaga.

6. (1) Menteri boleh melantik mana-mana ahli Lembaga untuk menjalankan tugas-tugas pengerusi dalam masa Pengerusi tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya oleh kerana apa-apa sebab atau dalam masa kekosongan dalam jawatan pengerusi; dan ahli itu hendaklah disifatkan sebagai Pengerusi dalam masa ia menjalankan tugas-tugas pengerusi di bawah seksyen-kecil ini. Penjalanan sementara tugas-tugas pengerusi.

(2) Sehingga perlantikan dibuat di bawah seksyen-kecil (1) atau jika perlantikan itu tidak dibuat, ahli yang dilantik di bawah perenggan (b) seksyen-kecil (1) seksyen 4 hendaklah menjalankan tugas-tugas Pengerusi dan disifatkan sebagai Pengerusi.

Perlantikan pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Lembaga.

7. (1) Lembaga boleh melantik seorang ketua eksekutif, yang boleh diberi apa-apa jua nama jawatan, dan beberapa orang pegawai atau penjawat lain, termasuk Merinyu-merinyu Minyak Kelapa Sawit, sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi maksud Akta ini.

(2) Perlantikan ketua eksekutif hendaklah dibuat dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan Menteri.

(3) Perlantikan Merinyu-merinyu Minyak Kelapa Sawit hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(4) Nama jawatan ketua eksekutif hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(5) Lembaga hendaklah mendapatkan kelulusan Menteri sebelum mengadakan atau mengubahsuai apa-apa skim perkhidmatan pegawai-pegawai atau penjawat-penjawatnya, termasuk had-had dan syarat-syarat perkhidmatan, gaji, elaun, dan lain-lain saraan yang kena dibayar, dan kemudahan-kemudahan pinjaman untuk membeli kenderaan dan rumah.

Kewajipan-kewajipan ketua eksekutif.

8. (1) Ketua eksekutif hendaklah—

(a) bertanggungjawab bagi melaksanakan keputusan-keputusan dasar Lembaga dan atas pentadbiran am hal-ehwalnya;

(b) menjalankan penyeliaan dan kawalan ke atas pegawai atau penjawat yang digunakhidmat oleh Lembaga; dan

(c) menjalankan apa-apa kewajipan lain sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Lembaga atau sebagaimana yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh Pengerusi.

(2) Ketua eksekutif hendaklah hadir di tiap-tiap mesyuarat Lembaga melainkan jika ia dibenarkan tidak hadir oleh Pengerusi.

(3) Ketua eksekutif tidak mempunyai apa-apa hak untuk mengundi dalam mesyuarat-mesyuarat Lembaga.

LEMBAGA PENDAFTARAN DAN PELESENAN MINYAK 9
KELAPA SAWIT (PEMERBADANAN)

9. Semua ahli, ahli silihganti, pegawai dan penjawat Lembaga, dan semua ahli jawatankuasa-jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan (b) seksyen-kecil (3) seksyen 12 ~~dan seksyen-kecil (6) seksyen 13~~, hendaklah disifatkan sebagai penjawat-penjawat awam dalam erti Kanun Keseksamaan yang berkenaan.

Penjawat awam.
N.M.B.
Bab 45.
Swk. Bab 57.
Sabah 3/59. d/AA735

10. Lembaga hendaklah mempunyai suatu pejabat utama dalam Malaysia di mana-mana tempat mengikut sebagai-mana yang ditetapkan oleh Lembaga dan boleh menubuhkan lain-lain pejabat cawangan yang difikirkan bermenafaat oleh Lembaga.

Pejabat.

11. Tugas-tugas Lembaga ialah—

Tugas-tugas Lembaga.

- (a) untuk mengawal, menyelaras dan memajukan semua aktiviti-aktiviti berhubung dengan pembekalan, penjualan, pembelian, pengedaran, penggerakan, penyimpanan, pengekspotan dan pengimpotan ~~buah kelapa sawit hidup, minyak kelapa sawit dan isirong~~ ~~kelapa sawit~~, dan pengilangan buah kelapa sawit ~~hidup~~; keluaran Subs (AA 540)
- (b) untuk menggalakkan pemasaran dan pengendalian yang cekap mengenai ~~buah kelapa sawit hidup, minyak kelapa sawit dan isirong~~ ~~kelapa sawit~~; keluaran (AA540) Subs
- (c) untuk mengawal dan memperbaiki cara menyimpan dan mengangkut ~~minyak~~ ~~kelapa sawit~~ dengan kapal; keluaran (AA540) Subs
- (d) untuk memajukan langkah-langkah ke arah mencapai kualiti yang tinggi bagi ~~minyak~~ ~~kelapa sawit~~, termasuk menetapkan standad-standad dan mengadakan suatu sistem penggredan yang cekap;
- (e) untuk bekerjasama dengan badan-badan lain dalam menyelaras dan menggalakkan penubuhan perusahaan-perusahaan yang mengeluarkan atau menggunakan ~~minyak~~ ~~kelapa sawit~~;
- (f) untuk mengumpul maklumat dan menyenggara rekod-rekod mengenai semua perkara yang berkaitan berhubung dengan perusahaan minyak kelapa sawit; dan
- (g) amnya melakukan apa jua perkara untuk memajukan lagi dan menjalankan dengan sempurna perusahaan minyak kelapa sawit.

12. (1) Lembaga adalah mempunyai kuasa untuk membuat apa-apa peraturan sebagaimana yang menasabah perlu bagi, atau bermenafaat atau bersampingan dengan, penjalanan tugas-tugasnya di bawah seksyen 11, dan khususnya, tetapi tanpa menyentuh keluasan yang tersebut di atas, peraturan-peraturan itu boleh—

- (a) menghendaki supaya didaftar dan dilesen orang-orang yang berkenaan dengan mana-mana atau semua aktiviti yang termasuk di dalam bidang tugas-tugas Lembaga;
- (b) mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara berhubung dengan pendaftaran dan pelesenan, termasuklah cara memohon pendaftaran dan lesen, bayaran yang kena dibayar bagi lesen, perkara-perkara yang kena dipertimbangkan dalam memberi atau menolak sesuatu permohonan lesen, dan mengenakan dan mengubah syarat-syarat dan sekatan-sekatan;
- (c) mengadakan peraturan mengenai sesuatu atau semua aktiviti yang termasuk di dalam bidang tugas-tugas Lembaga dengan apa-apa cara selain daripada atau sebagai tambahan kepada pendaftaran dan pelesenan;
- (d) mengadakan peruntukan mengenai amalan-amalan yang hendak diikuti atau dielakkan dalam perusahaannya minyak kelapa sawit;
- (e) mengadakan peruntukan mengenai pendaftaran kontrek-kontrek berhubung dengan penjualan ~~minyak~~ kelapa sawit dan butir-butir mengenai kontrek-kontrek itu;
- (f) menentu dan mentakrifkan standad-standad atau gred-gred ~~minyak~~ kelapa sawit dan membuat peruntukan-peruntukan bagi menguatkuasakan standad-standad dan gred-gred itu, termasuk peruntukan-peruntukan mengenai atau berhubung dengan pelebelan;
- (g) menetapkan rekod-rekod yang hendak disimpan dan penyata-penyata yang hendak dikemukakan oleh pemegang-pemegang lesen;
- (h) menetapkan bayaran yang kena dibayar bagi apa-apa perbuatan atau perkhidmatan yang dilakukan atau diberi oleh Lembaga;

Kuasa-kuasa Lembaga.

keluaran (Sub.AAS46)

SAP

LEMBAGA PENDAFTARAN DAN PELESENAN MINYAK 11
KELAPA SAWIT (PEMERBADANAN)

- (i) menetapkan penalti-penalti penjara bagi pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan peraturan-peraturan itu selama tidak lebih daripada dua tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua-duanya.
- (2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen-kecil (1) tidak akan mempunyai apa-apa kuatkuasa melainkan jika diluluskan oleh Menteri.
- (3) Lembaga adalah mempunyai kuasa untuk melakukan semua perkara yang menasabah perlu bagi, atau bermanfaat atau bersampingan dengan, penjalanan tugas-tugasnya dan khususnya, tetapi tanpa menyentuh keluasan yang tersebut di atas—
 - (a) mengadakan apa-apa rundingan dan perkiraan yang difikirkan perlu oleh Lembaga bagi memajukan kepentingan am perusahaan minyak kelapa sawit; dan
 - (b) menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa untuk mengkaji dan membuat laporan mengenai apa-apa perkara yang ditentukan oleh Lembaga dan menetapkan tugas-tugas dan elaan-elaun bagi ahli-ahlinya.

Subs.
AA540

13. (1) Lembaga boleh, jika ia berpuashati bahawa apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan atas sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 12 telah tidak dipatuhi atau bahawa pemegang lesen itu telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini, meminta pemegang lesen itu menunjukkan sebab-sebab mengapa lesennya tidak patut digantung.

Kuasa untuk meng-gantung/lesen. atau mengansel (AA735)

AA735

(2) Seseorang yang diminta menunjukkan sebab-sebab di bawah seksyen-kecil (1)—

- (a) hendaklah diberi oleh Lembaga butir-butir, secara bertulis, yang berasaskannya ia telah diminta menunjukkan sebab-sebab itu; dan
- (b) boleh, jika ia berkehendakkan, hadir di pendengaran yang diadakan oleh Lembaga itu atau diwakili oleh seorang lain yang diberikuasa olehnya secara bertulis.

(3) Jika selepas pendengaran itu, Lembaga berpendapat bahawa orang yang diminta menunjukkan sebab-sebab itu telah gagal berbuat demikian, Lembaga boleh, walau apapun pembicaraan jenayah yang mungkin dibawa terhadapnya, menggantung lesennya selama sesuatu tempoh yang tidak lebih daripada dua tahun dari tarikh penggantungan, mengikut sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga pada masa penggantungan itu.

pada masa penggantungan nya itu, atau mengkensel lesennya (AA 735)

(4) Seseorang yang lesennya telah digantung ^{atau dikensel} hendaklah, apabila dikehendaki oleh Lembaga secara bertulis, menyerahkan balik lesennya kepada Lembaga dalam tempoh yang ditentukan oleh Lembaga.

AA735

(5) Seseorang yang sengaja tidak mematuhi kehendak Lembaga di bawah seksyen-kecil (4) adalah melakukan suatu kesalahan.

(6) Lembaga boleh melantik suatu jawatankuasa yang boleh terdiri daripada atau termasuk orang-orang yang bukan ahli Lembaga, dan mewakilkan kepada jawatankuasa itu mana-mana atau semua kuasa Lembaga di bawah seksyen ini dan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau apa-apa keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa itu menurut perwakilan itu hendaklah disifatkan sebagai perbuatan atau keputusan Lembaga.

← AA735

d/AA540

14. Jika seseorang terkilan dengan sesuatu keputusan Lembaga yang enggan mengeluarkan atau yang menggantung sesuatu lesen, ia boleh, dalam tempoh satu bulan daripada tarikh keputusan itu disampaikan kepadanya, merayu kepada Menteri dan keputusan Menteri adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

← AA735

atau mengkensel (AA735)

BAHAGIAN III

KEWANGAN, LAPURAN DAN PENYELIAAN KEMENTERIAN

15. (1) Lembaga hendaklah menubuh dan mentadbirkan suatu kumpulanwang bernama "Kumpulanwang Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit".

(2) Maka hendaklah dibayar ke dalam Kumpulanwang itu—

(a) apa-apa pemberian yang dibuat kepada Lembaga dari Kumpulanwang Disatukan Persekutuan, ^{lain} daripada ~~pemberian-pemberian kepada Kumpulanwang Penyelidikan;~~

d/AA735

Kumpulanwang dan Kumpulanwang Penyelidikan.

d/AA735

LEMBAGA PENDAFTARAN DAN PELESENAN MINYAK
KELAPA SAWIT (PEMERBADANAN)

- (b) semua wang yang dipungut atau dibayar di bawah seksyen-kecil (1) seksyen 16;
- (c) semua wang, lain daripada denda, yang dipungut di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (d) semua wang yang dipinjam oleh Lembaga di bawah seksyen 17;
- (e) semua wang yang didapati atau timbul dari sesuatu pelaburan di bawah seksyen 18 atau dari apa-apa harta, gadaian, gadaian atau dibentur yang diperolehi oleh atau diletakhak pada Lembaga; dan
- (f) semua wang lain yang mungkin dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar atau diletakhak pada Lembaga berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan kewajipan-kewajipan atau kuasa-kuasanya, ~~kecuali wang yang dipungut atau dibayar menurut seksyen-kecil (3) seksyen 16.~~

D/AA735

(3) Kumpulanwang itu boleh digunakan untuk—

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang mungkin dilakukan oleh Lembaga dalam melaksanakan kewajipan-kewajipannya dan menjalankan kuasa-kuasanya; ~~dan~~
- (b) menjelaskan apa-apa wang yang dipinjam oleh Lembaga di bawah seksyen 17; dan
- (c) ---

D/AA735

← AA735

(4) Lembaga hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan suatu akaun yang berasingan berkenaan dengan wang yang dibayar ke dalam Kumpulanwang dari Kumpulanwang Disatukan Persekutuan.

(5) Lembaga hendaklah, jika diarahkan oleh Menteri, menubuh dan mentadbirkan suatu kumpulanwang bernama "Kumpulanwang Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit" yang ke dalamnya hendaklah dibayar semua wang yang dipungut atau dibayar di bawah seksyen-kecil (3) seksyen 16, semua wang yang dibayar atau didermakan dengan nyata kepada Kumpulanwang Penyelidikan dan apa-apa pemberian yang dibuat kepada Kumpulanwang Penyelidikan dari Kumpulanwang Disatukan Persekutuan.

Repealed by Act 218

(6) Kumpulanwang Penyelidikan hendaklah digunakan semata-mata untuk kerja atau program penyelidikan perusahaan minyak kelapa sawit, tertakluk kepada kuasa Menteri untuk mengarahkan Lembaga menggunakan Kumpulanwang

Penyelidikan itu atau mana-mana bahagian daripadanya untuk sesuatu aspek atau bidang tertentu penyelidikan atau untuk membelanjakannya untuk apa-apa pertubuhan yang ditentukan oleh Menteri.

(7) Lembaga hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan suatu akaun yang berasingan berkenaan dengan wang yang dibayar ke dalam Kumpulanwang Penyelidikan dari Kumpulanwang Disatukan Persekutuan.

16. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri yang diberi selepas berunding dengan Menteri Kewangan, membuat perintah untuk mengena, mengubah atau membatalkan sesuatu ses atas ~~minyak~~ kelapa sawit dan ~~isirong~~ kelapa sawit dan perintah-perintah itu boleh menentukan jenis, amaun dan kadar ses dan cara memungut ses itu.

keluaran kelapa sawit (AA735)

keluaran (AA540)

(2) Perintah yang dibuat di bawah seksyen ini boleh menetapkan amaun-amaun dan kadar-kadar ses yang berlainan bagi kategori, standad atau gred ~~minyak~~ kelapa sawit dan ~~isirong~~ kelapa sawit yang berlainan.

Repealed by Act 218

(3) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri yang diberi selepas berunding dengan Menteri Kewangan, membuat perintah untuk mengena, mengubah atau membatalkan sesuatu ses penyelidikan atas minyak kelapa sawit dan isirong kelapa sawit; dan perintah-perintah itu boleh menentukan jenis, amaun dan kadar ses penyelidikan dan cara memungut ses itu.

17. Lembaga boleh, atas apa-apa had dan syarat sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri Kewangan, meminjam wang bagi maksud melaksanakan tugas-tugasnya.

18. Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, selepas berunding dengan Menteri dan dengan kelulusan Menteri Kewangan, melaburkan Kumpulanwang atau mana-mana bahagian daripadanya yang tidak dikehendaki dengan segera untuk menjelaskan tanggungan-tanggungan Lembaga atau melaksanakan tugas-tugasnya—

(a) dalam apa-apa pelaburan atau sekuriti yang dibenarkan untuk pelaburan wang-wang amanah oleh mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada masa itu; atau

(b) dalam apa-apa pelaburan atau sekuriti lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

Ses atas/
memak/
keteran
s. banye
ndikan.

Kuasa
untuk
jam.

Kuasa
untuk
melabur.

LEMBAGA PENDAFTARAN DAN PELESENAN MINYAK KELAPA SAWIT (PEMERBADANAN) 15

19. Ketua eksekutif hendaklah, tidak lewat daripada satu bulan sebelum permulaan tiap-tiap satu tahun kewangan, membentangkan di hadapan Lembaga suatu anggaran hasil dan perbelanjaan, termasuk perbelanjaan modal, Lembaga bagi tahun kewangan yang berikutnya mengandungi apa-apa butir dan dalam apa-apa bentuk mengikut sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga. Anggaran tahunan.
20. (1) Lembaga hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan akaun-akaun yang sepatutnya dan rekod-rekod lain berkenaan dengan perjalanannya dan hendaklah menyedia atau menyebab disediakan penyata-penyata akaun berkenaan dengan tiap-tiap satu tahun kewangan. Akaun dan odit.
- (2) Lembaga hendaklah menyebabkan akaun-akaunnya diodit tiap-tiap tahun oleh Juruodit Negara atau manamana juruodit lain yang dilantik oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri.
- (3) Selepas akhir tiap-tiap satu tahun kewangan, selepas sahaja akaun-akaun Lembaga diodit, Lembaga hendaklah menyebabkan suatu salinan penyata-penyata akaun itu dihantar kepada Menteri bersama dengan satu salinan pandangan yang dibuat oleh juruodit itu mengenai sesuatu penyata akaun atau mengenai akaun-akaun Lembaga.
- (4) Menteri hendaklah menyebabkan suatu salinan penyata-penyata akaun dan suatu salinan pandangan yang dihantar kepadanya di bawah seksyen-kecil (3) dibentangkan dalam tiap-tiap satu Majlis Parlimen.
21. (1) Lembaga hendaklah, tidak lewat daripada 30hb Jun tiap-tiap satu tahun, menyebabkan dihantar kepada Menteri suatu laporan mengenai aktiviti-aktiviti Lembaga dalam masa tahun kewangan yang lalu dan mengandungi apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri mengenai perjalanan dan dasar Lembaga. Laporan tahunan.
- (2) Menteri hendaklah menyebabkan suatu salinan tiap-tiap laporan yang dihantar kepadanya di bawah seksyen-kecil (1) dibentangkan dalam tiap-tiap satu Majlis Parlimen.

BAHAGIAN IV

PENGUATKUASAAN

Kuasa menangkap.

22. Seseorang Merinyu Minyak Kelapa Sawit atau pegawai kastam boleh menangkap tanpa waran seseorang yang dijumpai melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat melakukan, atau yang disyakinya dengan menasabah mengambil bahagian dalam melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat melakukan, sesuatu kesalahan terhadap Akta ini jika orang itu enggan atau tidak memberi nama dan alamatnya atau jika ada alasan-alasan yang menasabah bagi mempercayai bahawa ia telah memberi suatu nama atau alamat yang palsu atau bahawa ia mungkin melarikan diri.

eng-
ledah
ngan
ran.

23. Apabila seseorang Majistret berpendapat, atas maklumat bersumpah secara bertulis, bahawa ada sebab yang menasabah bagi mempercayai bahawa di dalam sesuatu premis ada atau telah ada apa-apa pelanggaran terhadap Akta ini, Majistret itu boleh mengeluarkan suatu waran membenarkan seseorang Merinyu Minyak Kelapa Sawit atau pegawai kastam yang dinamakan di dalamnya, pada waktu siang atau malam dan dengan bantuan atau tanpa bantuan, memasuki premis itu, jika perlu dengan kekerasan, dan di situ mencari dan menyita apa-apa ~~kereta~~ yang dipercayai dengan menasabah memberi keterangan mengenai pelanggaran terhadap Akta ini.

~~buku, dokumen atau barang-barang lain~~
AA735
AA540

g-
ah
a.

24. Apabila seseorang Merinyu Minyak Kelapa Sawit atau seseorang pegawai kastam berpendapat bahawa ada sebab sesuatu premis ada atau telah ada apa-apa pelanggaran terhadap Akta ini dan bahawa, oleh sebab kelambatan untuk mendapatkan suatu waran geledah di bawah seksyen 23, keterangan mengenai pelanggaran itu mungkin lenyap atau diganggu, pegawai itu boleh menjalankan dalam, di atas, dan berkenaan dengan premis itu semua kuasa yang disebut dalam seksyen itu dengan cara yang sepuh dan secukupnya seolah-olah ia dibenarkan berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

AA735

24A.---

25. (1) Jika seseorang Merinyu Minyak Kelapa Sawit atau pegawai kastam menyaki dengan menasabah bahawa sesuatu kenderaan sedang membawa apa-apa barang yang berkenaan dengannya ada atau telah ada apa-apa pelanggaran terhadap Akta ini, ia boleh menahan dan memeriksa kenderaan itu dan ~~menyita apa-apa barang yang dijumpai~~

AA735

~~di dalamnya yang berkenaan dengannya ada atau telah ada pelanggaran itu dan apa-apa buku atau dokumen yang dipercayai dengan menasabah memberi keterangan mengenai pelanggaran itu.~~

(2) Orang yang mengawal atau menjaga kenderaan itu hendaklah, jika dikehendaki oleh Merinyu Minyak Kelapa Sawit atau pegawai kastam itu—

- (a) memberhentikan kenderaan itu dan membenarkan Merinyu Minyak Kelapa Sawit atau pegawai kastam itu memeriksanya; dan /
- (b) membuka semua bahagian kenderaan itu untuk diperiksa dan mengambil semua langkah yang perlu untuk membolehkan atau memudahkan perjalanan apa-apa pemeriksaan sebagaimana yang difikirkan perlu dibuat oleh Merinyu Minyak Kelapa Sawit atau pegawai kastam itu.

26. (1) Kecuali sebagaimana diperuntukkan dalam seksyen-kecil (2), jika ~~minyak~~/kelapa sawit disita di bawah Bahagian ini, pegawai penyita itu hendaklah dengan serta merta memberi notis mengenai penyitaan itu dan alasan-alasan baginya kepada pemunya ~~minyak~~/kelapa sawit itu, jika diketahuinya, samada dengan menyampaikan notis itu kepadanya sendiri atau melalui pos di tempat kediaman atau perniagaannya, jika diketahui.

Sub. AA735
Notis penyitaan.

keluaran (AA540)

(2) Tiada apa-apa notis dikehendaki diberi di bawah seksyen-kecil (1) jika penyitaan itu dilakukan di hadapan pesalah atau pemunya, atau ejen pemunya, ~~minyak~~/kelapa sawit itu.

27. (1) Seseorang pegawai penyita hendaklah mengambil segala langkah untuk memastikan bahawa, sehingga suatu perintah dibuat untuk melupuskan ~~minyak~~/kelapa sawit itu berikutan dengan sesuatu pendakwaan atau tuntutan berkenaan dengannya, ~~minyak~~/kelapa sawit itu tidak merosot pada kualiti atau nilainya tetapi jika langkah-langkah itu tidak mungkin diambil oleh kerana kekurangan atau tidak adanya kemudahan-kemudahan yang cukup atau wajar atau selainnya, maka, tertakluk kepada seksyen-kecil (2), pegawai penyita itu boleh menjual ~~minyak~~/kelapa sawit itu, atau menyebabkan atau membuat perkiraan supaya ia dijual, dengan apa-apa cara yang akan mendapatkan harga yang paling tinggi baginya dalam hal-keadaan itu.

Tindakan selepas ~~minyak~~/kelapa sawit disita.

keluaran (Subs. AA540)

(2) Pegawai penyita itu tidak boleh menjual, atau menyebabkan atau membuat perkiraan supaya dijual, mana-mana ~~minyak~~/kelapa sawit di bawah seksyen-kecil (1) jika ia ada sebab bagi mensyaki bahawa ~~minyak~~/kelapa sawit itu adalah dari suatu kualiti, standad atau gred yang lebih rendah daripada yang ditetapkan atau dibenarkan oleh Akta ini tetapi hendaklah menyebabkan dengan serta merta supaya ~~minyak~~/kelapa sawit itu diuji oleh seorang pencerakin.

keluaran
(AA540)

(3) Jika seseorang pencerakin memperakui, atau jika keputusan ujian sebagaimana yang diperakui oleh pencerakin itu membuktikan, bahawa ~~minyak~~/kelapa sawit yang diuji olehnya di bawah seksyen-kecil (2) itu adalah dari suatu kualiti, standad atau gred yang lebih rendah daripada yang ditetapkan atau dibenarkan oleh Akta ini, pegawai penyita itu hendaklah menyimpannya dalam jagaan atau, jika tiada apa-apa pendakwaan dibawa berkenaan dengan ~~minyak~~ kelapa sawit itu, ia hendaklah menyebabkan ~~minyak~~/kelapa sawit itu dimusnahkan.

(4) Jika seseorang pencerakin memperakui, atau jika keputusan ujian sebagaimana yang diperakui oleh pencerakin itu membuktikan, bahawa ~~minyak~~/kelapa sawit yang diuji olehnya di bawah seksyen-kecil (2) itu adalah dari suatu kualiti, standad atau gred yang menepati atau lebih tinggi daripada yang ditetapkan atau dibenarkan oleh Akta ini, maka seksyen-kecil (1) hendaklah dipakai bagi ~~minyak~~ kelapa sawit itu.

(5) Sehingga keputusan ujian di bawah seksyen-kecil (2) didapati, pegawai penyita itu hendaklah mengambil segala langkah menasabah yang mungkin dan terdapat dalam hal-keadaan itu bagi memastikan bahawa ~~minyak~~ kelapa sawit itu tidak merosot pada kualiti atau nilainya.

(6) Seseorang pegawai penyita yang menyimpan ~~minyak~~ kelapa sawit dalam jagaan di bawah seksyen-kecil (3) adalah dikehendaki hanya memastikan supaya minyak kelapa sawit itu selamat dan tidak rosak tetapi tidaklah dikehendaki mengambil langkah-langkah untuk mengekalkan kualiti, standad atau grednya.

(7) Hasil penjualan ~~minyak~~ kelapa sawit di bawah seksyen-kecil (1) hendaklah disimpan untuk mematuhi keputusan apa-apa pendakwaan atau tuntutan berkenaan dengannya.

← AA735

27A. ---

LEMBAGA PENDAFTARAN DAN PELESENAN MINYAK 19
 KELAPA SAWIT (PEMERBADANAN)

28. Mahkamah yang di hadapannya diadakan pendakwaan berkenaan dengan ~~minyak~~/kelapa sawit yang disita di bawah Bahagian ini hendaklah membuat suatu perintah melucuthak atau melepaskan ~~minyak~~/kelapa sawit itu atau hasil penjualannya, tetapi hendaklah memerintahkan lucuthak jika dibuktikan dengan memuaskannya bahawa suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Akta ini telah dilakukan dan bahawa ~~minyak~~/kelapa sawit itu adalah hal perkara kesalahan itu, walaupun tiada seseorang telah disabitkan atas kesalahan itu.

Mahkamah hendaklah memerintahkan pelepasan atau lucuthak.
 ✓ AA735
 ✓ AA735
 ✓ keluaran Sub3 (AA54)

29. Tiada apa-apa pendakwaan berkenaan dengan ~~minyak~~/kelapa sawit yang disita di bawah Bahagian ini boleh dibawa lebih daripada ~~dua~~ bulan kalendar selepas tarikh ~~minyak~~/kelapa sawit itu disita.

Masa penghalang bagi pendakwaan.
 ✓ 2 Nam Sub3. AA54.
 ✓ AA735

30. (1) Jika tiada apa-apa pendakwaan dibawa berkenaan dengan ~~minyak~~/kelapa sawit yang disita di bawah Bahagian ini dalam tempoh yang ditetapkan dalam seksyen 29, ~~minyak~~/kelapa sawit itu atau hasil penjualannya hendaklah diambil dan disifatkan sebagai dilucuthak apabila tamat satu bulan kalendar dari tarikh tamatnya tempoh yang ditetapkan itu melainkan jika suatu tuntutan terhadapnya dibuat dalam tempoh satu bulan itu di bawah dan mengikut seksyen ini.

Tuntutan untuk mendapatkan balik minyak kelapa sawit yang disita atau hasil penjualannya.
 ✓ Sub. AA735
 ✓ AA735

(2) Seseorang yang menegaskan bahawa ia adalah pemunya ~~minyak~~/kelapa sawit atau hasil penjualannya dan bahawa ~~minyak~~/kelapa sawit atau hasil penjualannya itu tidak boleh kena dilucuthak boleh, samada ia sendiri atau melalui ejennya yang dibenarkan secara bertulis, memberi notis bertulis kepada pegawai penyita itu bahawa ia adalah menuntut ~~minyak~~/kelapa sawit atau hasil penjualannya itu.

✓ AA735
 ✓ keluaran Sub3 (AA540)

(3) Apabila menerima suatu notis di bawah seksyen-kecil (2) pegawai penyita itu hendaklah merujuk tuntutan itu kepada ~~Pengerusi~~ dan ~~Pengerusi~~ boleh mengarahkan supaya ~~minyak~~/kelapa sawit atau hasil penjualannya itu dilepaskan atau boleh mengarahkan pegawai penyita itu, melalui maklumat bertulis, supaya merujuk perkara itu kepada seorang Majistret.

✓ ketua eksekutif (AA735)
 ✓ AA735

(4) Majistret itu hendaklah mengeluarkan suatu saman menghendaki Lembaga dan orang yang menegaskan bahawa ia adalah pemunya ~~minyak~~/kelapa sawit atau hasil penjualannya itu dan orang yang darinya ~~minyak~~/kelapa sawit itu telah

disita supaya hadir di hadapannya, dan apabila mereka hadir atau tidak hadir, manakala penyampaian yang sewajar akan saman itu telah dibuktikan, Majistret itu hendaklah meneruskan pemeriksaan mengenai perkara itu dan apabila dibuktikan bahawa suatu kesalahan terhadap Akta ini telah dilakukan dan bahawa ~~minyak~~ kelapa sawit itu adalah hal perkara kesalahan itu, atau telah digunakan dalam perlakuan kesalahan itu, ia hendaklah memerintahkan supaya ~~minyak~~ kelapa sawit atau hasil penjualannya itu dilucuthak atau, jika tidak ada bukti sedemikian itu, ia hendaklah memerintahkan supaya ~~minyak~~ kelapa sawit atau hasil penjualannya itu dilepaskan.

keluaran (AA340)
AA735

AA735

(5) Dalam suatu tuntutan di bawah seksyen ini orang yang membuat tuntutan itu hendaklah menjadi pihak menuntut dan Lembaga hendaklah menjadi pihak menjawab dan Lembaga boleh diwakili oleh seseorang pegawai atau penjawatnya yang dibenarkan secara bertulis oleh Pengerusi untuk mewakili Lembaga sedemikian.

← AA735

31. Mana-mana ~~minyak~~ kelapa sawit atau hasil penjualannya yang dilucuthak, atau diambil dan disifatkan sebagai dilucuthak, di bawah Bahagian ini adalah harta Lembaga.

AA735

32. (1) Bagi maksud-maksud Akta ini Menteri boleh melantik pencerakin-pencerakin untuk memeriksa dan menguji ~~minyak~~ kelapa sawit dan untuk memperakui keadaan, jenis, cara pengawitan, kualiti, standad dan grednya.

(2) Dalam sesuatu pendakwaan mengenai sesuatu kesalahan terhadap Akta ini suatu perakuan pencerakinan ~~minyak~~ kelapa sawit atau suatu lapuran mengenai keadaan, jenis, cara pengawitan, kualiti, standad atau grednya, yang berupa sebagai ditandatangani oleh seorang pencerakin hendaklah, apabila ianya dikemukakan oleh pendakwa atau pihak kenatuntut, menjadi keterangan yang cukup mengenai fakta-fakta yang dinyatakan di dalamnya melainkan jika pendakwa atau pihak kenatuntut itu menghendaki supaya pencerakin itu dipanggil sebagai seorang saksi, dan dalam hal yang demikian ia hendaklah memberi notis mengenainya kepada pihak yang satu lagi itu tidak kurang daripada tiga hari genap sebelum tarikh pembicaraan.

(3) Suatu salinan perakuan atau lapuran yang tersebut dalam seksyen-kecil (2) hendaklah dihantar kepada pihak kenatuntut atau pendakwa sekurang-kurangnya tujuh hari genap sebelum tarikh pembicaraan, dan jika ia tidak dihantar sedemikian mahkamah boleh menanggungkan pembicaraan itu atas apa-apa syarat yang difikirkannya wajar.

(4) Seksyen-kecil (2) hendaklah dipakai bagi sesuatu tuntutan di bawah seksyen 30 seolah-olah perkataan-perkataan "pendakwa" dan "pihak kenatuntut" itu masing-masing telah digantikan dengan perkataan-perkataan "pihak menuntut" dan "pihak menjawab".

33. Jika perlu diperiksa atau diuji ~~minyak~~ kelapa sawit yang disita di bawah Bahagian ini, maka memadailah diperiksa atau diuji hanya ~~sepuluh~~ peratus sahaja daripada ~~minyak~~ kelapa sawit itu atau daripada tiap-tiap satu jenis atau perihalnya yang berlainan atau, jika ~~minyak~~ kelapa sawit itu dimuatkan dalam bekas-bekas yang berlainan, sepuluh peratus sahaja daripada kandungan tiap-tiap satu bekas itu; dan mahkamah hendaklah menganggap bahawa baki dari jenis, perihal atau bekas ~~minyak~~ kelapa sawit itu adalah menepati, tentang keadaan, jenis, cara memproses, kualiti, standad, gred atau selainnya dengan ~~sepuluh peratus daripadanya yang berkaitan~~ yang diperiksa atau diuji itu. *suatu contoh yang isipadu atau beratnya tidak melebihi (AA540) Pemeriksaan atau pengujian minyak kelapa sawit yang disita mengikut kadar. keluaran (AA735) (Subs. AA570) contoh*

34. (1) Seseorang Merinyu Minyak Kelapa Sawit atau pegawai kastam adalah mempunyai kuasa untuk menyiasat sesuatu kesalahan yang dilakukan terhadap Akta ini. *Kuasa menyiasat.*

(2) Tiap-tiap orang yang dikehendaki oleh seseorang Merinyu Minyak Kelapa Sawit atau pegawai kastam supaya memberi maklumat atau mengemukakan apa-apa buku, dokumen atau perkara berhubung dengan kesalahan yang dilakukan itu dan yang mana orang itu adalah berkuasa memberinya hendaklah memberi maklumat itu atau mengemukakan buku, dokumen atau perkara itu. *AA735*

35. Tanpa menyentuh mana-mana undang-undang bertulis yang lain berhubung dengan acara jenayah, sesuatu pendakwaan berkenaan dengan sesuatu kesalahan terhadap Akta ini boleh dijalankan oleh seseorang Merinyu Minyak Kelapa Sawit atau oleh mana-mana lain pegawai atau penjawat Lembaga yang dibenarkan secara bertulis oleh Pengerusi menjalankan pendakwaan itu. *Penjalanan pendakwaan. AA735*

35B.

← AA735

36. Lembaga boleh menghendaki seseorang yang ada hubungan dengan atau terlibat dalam apa-apa aspek perusahaan minyak kelapa sawit supaya mengemukakan kepadanya apa-apa dokumen atau maklumat yang, pada pendapatnya, adalah perlu bagi pelaksanaan tugas-tugasnya; dan seseorang yang dikehendaki sedemikian yang sengaja dan tanpa alasan yang sah atau menasabah tidak atau enggan mengemukakan dokumen atau maklumat yang dikehendaki itu kepada Lembaga atau yang, dalam mengemukakan apa-apa maklumat yang dikehendaki, dengan diketahuinya atau dengan tidak menghiraukan akibatnya, membuat apa-apa kenyataan palsu tentang apa-apa butir matan atau yang, dengan niat hendak memperdaya, mengemukakan sesuatu dokumen yang palsu tentang apa-apa butir matan, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau kedua-duanya.

← AA735

37. (1) Seseorang yang bersalah atas suatu kesalahan terhadap Akta ini, yang baginya tiada apa-apa penalti diperuntukkan boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau, jika orang itu telah disabitkan dahulunya atas kesalahan yang serupa, denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit.

(2) Jika sesuatu kesalahan terhadap Akta ini diteruskan selepas seseorang disabitkan atasnya maka orang itu boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada satu perlima daripada denda maksimum yang boleh dikenakan ke atas orang itu atas sabitan yang dahulunya itu bagi tiap-tiap satu hari kesalahan itu berterusan.

← AA735

38. Jika sesuatu kesalahan di bawah Akta ini yang telah dilakukan oleh sesuatu pertubuhan perbadanan dibuktikan sebagai telah dilakukan dengan dipersetujui atau dibiarkan oleh, atau telah disebabkan oleh apa-apa kecuaiian di pihak, seseorang pengarah, setiausaha atau lain-lain pegawai pertubuhan perbadanan itu yang seumpamanya atau seseorang yang berupa sebagai telah bertindak atas jawatan sedemikian, maka ia dan juga pertubuhan perbadanan itu hendaklah disifatkan sebagai bersalah atas kesalahan itu dan tindakan boleh diambil terhadapnya dan ia dihukum dengan sewajarnya.

memberi maklumat pada lembaga.

peruntukan-peruntukan m ber-ubung dengan penalti.

shahan li-in

uhan lanan.

AS40

LEMBAGA PENDAFTARAN DAN PELESENAN MINYAK 23
KELAPA SAWIT (PEMERBADANAN)

39. Kecuali bagi maksud-maksud Akta ini atau bagi maksud-maksud sesuatu pembicaraan jenayah di bawah Akta ini, tiada seseorang ahli, pegawai atau penjawat Lembaga boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang telah didapati olehnya semasa menjalankan kewajipan-kewajipannya di bawah Akta ini. Kerahsiaan.

40. Lembaga adalah bertanggungjawab kepada Menteri dan Menteri boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan kepada Lembaga arahan-arahan mengenai apa-apa aspek tugas-tugas Lembaga, dan Lembaga hendaklah mematuhi tiap-tiap arahan itu. Kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan.

41. Menteri adalah mempunyai kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi menjalankan dengan lebih baik peruntukan-peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturan itu boleh menetapkan hal dan cara mengkompaun sesuatu kesalahan yang dilakukan di bawahnya. Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan. Akta ini (Subs. AAS)

42. (1) Segala perbuatan dan perkara yang dilakukan oleh mana-mana orang sebagai persediaan bagi atau pada menjangkakan Akta ini dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya hendaklah disifatkan sebagai telah dibenarkan di bawah Akta ini, dengan syarat bahawa perbuatan-perbuatan dan perkara-perkara yang dilakukan itu tidak berlawanan dengan tujuan dan maksud-am Akta ini; dan segala hak dan tanggungan yang diperolehi atau dilakukan sebagai hasil dari melakukan perbuatan-perbuatan atau perkara-perkara itu termasuk apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya hendaklah disifatkan sebagai hak dan tanggungan Lembaga. Pengesahan perbuatan-perbuatan yang dilakukan pada menjangkakan Akta.

(2) Untuk mengelakkan keraguan adalah ditetapkan bahawa seksyen-kecil (1) tidak membenarkan perlantikan ahli-ahli, pegawai-pegawai atau penjawat-penjawat Lembaga kecuali setakat membenarkan perlantikan sementara orang-orang itu sehingga perlantikan-perlantikan wajar dibuat di bawah Akta ini.

JADUAL
(Seksyen 3)

1. (1) Seseorang ahli Lembaga yang—

- (a) tidak hadir dan juga tidak diwakili oleh ahli silihganti, jika ada, yang dilantik berkenaan dengan ahli itu, pada tiga kali mesyuarat Lembaga berturut-turut tanpa sebab yang menasabah atau tanpa kebenaran bertulis Pengerusi;
- (b) telah didapati atau diisytiharkan sebagai tidak sempurna akal;
- (c) telah menjadi bankrap atau membuat sesuatu perkiraan dengan siputang-sipiutangnya; atau
- (d) telah disabitkan atas sesuatu kesalahan berkenaan dengan frod, kecurangan atau keburukan akhlak, atau sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya;

adalah terhenti daripada memegang jawatan.

(2) Peruntukan-peruntukan perenggan-kecil (1), lain daripada butiran (a), hendaklah dipakai *mutatis mutandis* bagi seseorang ahli silihganti.

(3) Had-had dan syarat-syarat perlantikan Pengerusi, dan saraannya, hendaklah ditentukan oleh Menteri.

(4) Maka hendaklah dibayar apa-apa elaun kepada mana-mana ahli atau ahli silihganti Lembaga mengikut sebagaimana yang diputuskan oleh Menteri bagi menghadiri mesyuarat-mesyuarat Lembaga.

(5) Perlantikan tiap-tiap ahli dan ahli silihganti Lembaga hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(6) Tiada seseorang ahli Lembaga boleh menanggung atas dirinya sendiri apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh sesuatu perbuatan atau ketinggalan dalam mentadbirkan hal-ehwal Lembaga melainkan jika kerugian atau kerosakan itu telah dilakukan dengan sengaja atau dengan tidak menghiraukan akibatnya atau dengan kecuaiian yang keterlaluan.

2. (1) Menteri hendaklah memanggil mesyuarat pertama Lembaga.

(2) Lembaga hendaklah bermesyuarat dengan sebegitu kerap hingga tempoh antara suatu mesyuarat dengan suatu mesyuarat berikutnya tidak lebih daripada tiga bulan.

(3) Koram bagi Lembaga ialah enam.

(4) Jika di sesuatu mesyuarat Lembaga, Pengerusi dan juga orang yang menjalankan tugas-tugas pengerusi tidak hadir, ahli-ahli yang hadir hendaklah memilih seorang dari antara mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(5) Jika mengenai sesuatu soal yang hendak diputuskan oleh Lembaga bilangan undi didapati sama banyaknya, Pengerusi atau ahli yang mempengerusikan mesyuarat itu adalah mempunyai suatu undi pemutus selain daripada undi biasanya

LEMBAGA PENDAFTARAN DAN PELESENAN MINYAK 25
KELAPA SAWIT (PEMERBADANAN)

(6) Tertakluk kepada perenggan ini, Lembaga boleh menentukan acaranya sendiri.

(7) Meteri Lembaga hendaklah disahkan oleh Pengerusi dan seorang ahli Lembaga dan apa-apa dokumen yang berupa sebagai dimeteri dengan meteri Lembaga dan disahkan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai telah dimeteri dengan sahnya sehingga dibuktikan sebaliknya.